



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 20 TAHUN 2007**

---

**PEMBERIAN HADIAH KENAIKAN GAJI KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN SISWAZAH GRED DG41  
YANG DILANTIK DARI KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN  
PENDIDIKAN LEPASAN DIPLOMA**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan memberi Hadiah Kenaikan Gaji (HKG) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) Gred DG41 yang dilantik dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma (PPPLD) Gred DGA29, DGA32, DGA34 dan DGA38.

**LATAR BELAKANG**

2. Melalui Dokumen Pembangunan Pendidikan 2001 - 2010 dan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 - 2010 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan dasar pensiswazahan guru. Mengikut perancangannya, sehingga 2010

semua guru sekolah menengah dan 50% guru sekolah rendah akan terdiri dari PPPS. Ke arah itu beberapa program pensiswazahan telah diatur dan dilaksanakan oleh KPM.

3. Melalui dasar pensiswazahan ini PPPLD yang melanjutkan pelajaran dan memperoleh ijazah dalam bidang-bidang yang telah dikenal pasti relevan oleh KPM akan dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk dilantik sebagai PPPS Gred DG41. Berikutan itu, PPPLD yang berjaya dilantik sebagai PPPS akan berpindah dari Kumpulan Sokongan ke Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan layak menikmati semua faedah yang terdapat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional tersebut.

### **DASAR BARU HADIAH KENAIKAN GAJI**

4. Dasar pensiswazahan guru telah mendorong PPPLD melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah bagi memastikan mereka berpeluang untuk dilantik sebagai PPPS seperti mana yang dihasratkan oleh KPM. Sebagai menghargai daya usaha PPPLD berkenaan mempercepatkan pencapaian matlamat dasar tersebut, maka kerajaan telah membuat ketetapan supaya diberi **Hadiah Kenaikan Gaji kepada PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD.**

### **TARIKH KUAT KUASA**

5. Tarikh kuat kuasa pemberian HKG ini ialah mulai **1 Julai 2007.**

### **PELAKSANAAN**

6. Bagi melaksanakan dasar baru yang telah ditetapkan di perenggan 4 di atas, PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD pada dan selepas tarikh kuat kuasa adalah layak menerima HKG yang bersamaan dengan satu Pergerakan Gaji Biasa tertakluk kepada adanya ruang pergerakan gaji mengikut Peringkat (P) di Gred DG41.

## **KAEDAH PEMBERIAN HKG KEPADA PPPS YANG DILANTIK DARI KALANGAN PPPLD PADA DAN SELEPAS TARIKH KUAT KUASA**

7. Mulai tarikh kuat kuasa 1 Julai 2007, PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD hendaklah diberi HKG yang bersamaan dengan satu Pergerakan Gaji Biasa **oleh Pihak Berkuasa Melantik** setelah ditetapkan gaji permulaan PPPS yang berkenaan mengikut syarat dan kaedah yang sedang berkuat kuasa. Contoh pemberian HKG ini adalah seperti di **Lampiran A, B dan C**.

## **KAEDAH PEMBERIAN HKG BAGI PPPS YANG DILANTIK DARI KALANGAN PPPLD DAN BERADA DI GRED DG41 PADA TARIKH KUAT KUASA**

8. PPPS yang dilantik dari kalangan PPPLD dan berada di Gred DG41 pada tarikh kuat kuasa adalah layak diberi HKG yang bersamaan dengan satu Pergerakan Gaji Biasa **oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**. Contoh pemberian HKG ini adalah seperti di **Lampiran D**.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

9. Pemberian HKG tidak mengubah Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi PPPS Gred DG41 yang dilantik dari kalangan PPPLD.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Pergerakan Gaji Tahunan bagi PPPS Gred DG41 yang sepatutnya diterima oleh PPPS berkenaan dalam tahun 2007 hendaklah diberi mengikut keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia.


## AM

11. Faedah HKG ini diberi juga kepada PPPS Gred A19 yang dilantik dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) yang masih kekal di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 serta PPPS Gred DG3 yang dilantik dari kalangan PPPBS/ PPPLD yang masih kekal di bawah Sistem Saraan Baru 1992. Kaedah pemberian HKG kepada PPPS yang terlibat adalah sama seperti yang dinyatakan di perenggan 7 dan 8.

## PEMAKAIAN

12. Pekeliling perkhidmatan ini hanya terpakai kepada PPPS Kementerian Pelajaran Malaysia sahaja.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**



( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

26 Oktober 2007

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia

**KAEDAH PEMBERIAN HADIAH KENAIKAN GAJI  
(Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 Yang Dilantik  
Dari Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma  
Pada Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DGA29 : 1 April  
Tarikh Lantikan Ke Gred DG41 : 1 Julai 2007

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DGA29 (RM)	DG41 (RM)	
30.6.2007	1852.99 (P1T15)	-	Gaji akhir di Gred DGA29
1.7.2007	2316.27 (P1T15)	-	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.
1.7.2007	2316.27 (P1T15)	2419.45 (P1T9)	Tarikh lantikan ke Gred DG41. Penetapan gaji permulaan di Gred DG41 oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). TPG baru di Gred DG41 ialah pada 1 Julai.
1.7.2007	-	2509.90 (P1T10)	Diberi Hadiah Kenaikan Gaji.
1.7.2008	-	2600.35 (P1T11)	TPG baru di Gred DG41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.

**KAEDAH PEMBERIAN HADIAH KENAIKAN GAJI**  
**(Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 Yang Dilantik**  
**Dari Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma**  
**Selepas Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DGA32 : 1 Julai  
 Tarikh Lantikan Ke Gred DG41 : 1 Oktober 2007

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DGA32 (RM)	DG41 (RM)	
30.9.2007	3104.23 (P1T8)	-	Gaji akhir di Gred DGA32
1.10.2007	3104.23 (P1T8)	3293.33 (P1T18)	Tarikh lantikan ke Gred DG41. Penetapan gaji permulaan di Gred DG41 oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). TPG baru di Gred DG41 ialah pada 1 Oktober.
1.10.2007	-	3443.61 (P1T19)	Diberi Hadiah Kenaikan Gaji.
1.10.2008	-	3593.89 (P1T20)	TPG baru di Gred DG41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.

**KAEDAH PEMBERIAN HADIAH KENAIKAN GAJI  
(Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Gred DG41 Yang Dilantik  
Dari Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma  
Selepas Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DGA38 : 1 Oktober  
 Tarikh Lantikan Ke Gred DG41 : 1 November 2008

Tarikh	Gred / Gaji		Catatan
	DGA38 (RM)	DG41 (RM)	
31.10.2008	4792.19 (P2T10)	-	Gaji akhir di Gred DGA38
1.11.2008	4792.19 (P2T10)	5063.38 (P3T26)	Tarikh lantikan ke Gred DG41. Penetapan gaji permulaan di Gred DG41 oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM). TPG baru di Gred DG41 ialah pada 1 Oktober.
1.11.2008	-	5226.19 (P3T27) Maks.	Diberi Hadiah Kenaikan Gaji.
1.10.2009	-	5226.19 (P3T27) Maks.	TPG baru di Gred DG41. Tiada Pergerakan Gaji Kerana Pegawai Berada Di Matagaji Maksimum.

**KAEDAH PEMBERIAN HADIAH KENAIKAN GAJI  
(Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Yang Dilantik  
Dari Kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma  
Dan Berada Di Gred DG41 Pada Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Lantikan Ke Gred DG41 Daripada DGA32 :1 Disember 2002

Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) Gred DG41 :1 Oktober

<b>Tarikh</b>	<b>Gaji Gred DG41 (RM)</b>	<b>Catatan</b>
30.6.2007	2926.65 (P2T17)	Gaji akhir di Gred DG41
1.7.2007	3365.62 (P2T17)	Pelarasan kepada Matagaji Baru berikutan Pemberian Kenaikan Gaji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007.
1.7.2007	3521.47 (P2T18)	Diberi Hadiah Kenaikan Gaji.
1.10.2007	3677.32 (P2T19)	TPG Gred DG41. Diluluskan Pergerakan Gaji Biasa.